



## ANGKAT SUMPAH...

Empat belas orang Setiausaha Politik, termasuk Datuk Hasbullah Lebai Isa, yang menjadi Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, mengangkat sumpah jawatan di hadapan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam.

Majlis ringkas yang diadakan di Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, di Putrajaya itu disaksikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Turut mengangkat sumpah ialah Datuk Mohamad Fatmi Che Salleh dan Datuk Mohd. Shafei Abdullah, yang masing-masing menjadi Setiausaha Politik kepada Timbalan

Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, dua portfolio yang dipegang oleh Datuk Seri Najib Tun Razak.

Lain-lain ialah Azizan Mat (Setiausaha Politik Menteri Penerangan), Lai Meng Chong (Setiausaha Politik Menteri Sumber Manusia), Zainuddin Ismail (Setiausaha Politik Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan), Datuk Abdul Mutalib Alias (Setiausaha Politik Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi), Datuk Mohamad Norza Zakaria (Setiausaha Politik Menteri Kewangan II) serta Mohd. Salim Sharif (Setiausaha Politik Menteri Wilayah Persekutuan).

Setiausaha Politik yang lain ialah Sulaiman No' (Setiausaha Politik

Menteri Pelancongan), Ting Chiew Yew (Setiausaha Politik Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi), Mat Abu Hamat (Setiausaha Politik Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mustapa Mohamed), Bong Hata Marzuki (Setiausaha Politik Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar) dan Shamsuddin Sulong (Setiausaha Politik Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin).

- DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi bergambar bersama 14 Setiausaha Politik selepas mengangkat sumpah menyimpan rahsia di pejabat Perdana Menteri, semalam.